

19/06/1997

Bosnia contohi pentadbiran Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia akan dijadikan contoh oleh Bosnia dalam menyusun semula kerajaan dan pentadbiran negara di rantau Balkan itu.

Ini termasuk mempelajari pengalaman dan pendekatan secara harmoni yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama.

Perkara itu dinyatakan oleh Timbalan Menteri Luar Bosnia, Hussein Zivalj ketika mengunjungi Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Pemangku Menteri Luar, Datuk Dr Abdul Hamid Othman di pejabatnya, petang ini.

Dr Abdul Hamid ketika dihubungi berkata, Hussein datang khusus membawa perutusan daripada Presiden Bosnia, Alija Izetbegovic kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang ketika ini bercuti di luar negara.

Perutusan itu sebagai tanda terima kasih di atas segala komitmen dan bantuan Malaysia selama ini membantu Bosnia dalam pelbagai perkara. Ia akan disampaikan kepada Perdana Menteri sekembalinya daripada bercuti, bulan depan.

(END)